

07 AUG 1998

Yong-Singapura

MENTERI KANAN SABAH KESAL DENGAN SIKAP ANGKUH SINGAPURA

KOTA KINABALU, 7 Ogos (Bernama) -- Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee hari ini menyatakan kesalnya terhadap sikap angkuh Singapura dalam mengendalikan isu Tanjong Pagar-Woodlands.

Ini telah telah menjejaskan hubungan baik yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara, katanya dalam satu kenyataan.

"Kenapa memilih untuk bersengketa dengan jiran yang baik pada masa ini, sedangkan mereka tahu kita sedang menghadapi masalah akibat masalah kewangan dan ekonomi di Asia Timur yang telah turut menjejaskan kita," katanya.

Yong, bekas Ketua Menteri dan kini Menteri Kanan dalam Kabinet Sabah berkata kedua-dua negara sepatutnya bekerjasama membantu antara satu sama lain untuk menghadapi pelbagai cabaran pada masa getir ini.

"Ia memilih untuk menghentam Malaysia dengan langkah itu semasa negara kita sedang berjuang bermati-matian terhadap kuasa-kuasa luar yang mengancam kestabilan ekonomi kita. Sehubungan itu, kita syak Singapura mempunyai motif tersembunyi," katanya.

Rakyat Malaysia di Sabah, berbangga dengan ketegasan dan kesabaran yang ditunjukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin negara lain berhubung isu ini, katanya.

"Kami gembira melihat Perdana Menteri telah mengambil langkah yang betul dengan memberitahu Singapura supaya tidak memandang mudah terhadap kebaikan Malaysia," katanya.

"Perdana Menteri kita telah mengamalkan konsep Perkongsian Bijak dan Makmurkan Jiran Anda. Tetapi Singapura seolah-olah tidak menghargai semangat setiakawan dan muhibah Malaysia dan tidak prihatin langsung kepada perlunya menjalin hubungan yang baik dengan jiran," katanya.

Di PULAU PINANG, Naib Presiden Parti Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata para pemimpin Singapura kurang mempunyai sifat bertimbang rasa dan hormat-menghormati walaupun memiliki tahap kecerdasan yang tinggi.

Katanya, keseimbangan antara kedua-dua sifat itu penting untuk memastikan hubungan kejiiran antara Malaysia dan Singapura terus baik dan mendatangkan hasil yang boleh dimanfaatkan bersama oleh kedua-dua negara.

Melalui pengamatannya, beliau mendapati para pemimpin negara itu kurang mengamalkan sifat bertolak ansur serta tidak mengambil kira perasaan orang lain terhadap perbuatan mereka.

"Nampaknya memanglah orang Singapura pandai-pandai belaka tetapi mereka kurang mempunyai perasaan timbang rasa, mengambil kira perasaan orang lain serta memberi penghormatan," katanya kepada pemberita di sini.

Koh, yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, sikap ini menunjukkan mereka mempunyai perasaan "kiasu" iaitu takut menghadapi kekalahan walaupun dalam urusan yang amat kecil.

Beliau berkata, kedua-dua negara sepatutnya tidak membenarkan perkara-perkara kecil yang boleh diselesaikan secara pentadbiran menjejaskan hubungan diplomatik yang telah terjalin sejak sekian lama.

-- BERNAMA

ZU NMO